









# KAMRUL H U S S I N



NEWSPAPER CUTTING





  
**KAMRUL**  
H U S S I N  
  


**LOCAL  
NEWSPAPER CUTTING**






## Seni Hiburan

TULISAN: SETI MARIAM ELIAS  
GAMBAR: KOLEKSI PERIBADI KAMRUL HUSSIN

# Kamrulbahri

pejuang teater tradisional  
generasi baru



Kamrulbahri membuat persembahan solo di Korea.


MEMBINA kerjaya perlu disertai bakat dan minat. Namun bergelar pemain muzik bukanlah sesuatu yang mudah sementelah pelbagai tanggapan negatif dilemparkan. Mohd Kamrulbahri Hussin atau lebih dikenali sebagai Kamrul Hussin, 30, berasal dari Kampung Banggol Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan memilih untuk menjadi penggiat seni tradisional walaupun ramai individu sekelilingnya satu ketika dahulu pernah mempertikaikan pilihannya itu.

Antara alasan yang diberikan, bolehkah cari makan atau halakah rezeki yang diberikan kepada keluarga hasil bermain alat muzik dan menjadi tok dalang wayang kulit? "Walaupun ada yang mempertikaikan soal halal haram rezeki yang diberikan kepada keluarga namun saya percaya dengan diri sendiri. Saya bukan bermain alat muzik tradisional semata-mata namun berkhidmat sebagai tenaga pengajar di universiti awam dan swasta."

Menceritakan bagaimana dia boleh berkecimpung dalam bidang ini, Kamrul menjelaskan dia dipengaruhi persekitaran yang bercirikan muzik kesenian Kelantan. Ayahnya, Hussin Yusoff, 58, ialah Tok Peteri yang membantu penduduk kampung berubat penyakit berkaitan 'penyakit angin' dengan bayaran RM5 untuk setiap pertunjukan. Dari situ timbul minat untuk Kamrul lebih mendalami kesenian



Kamrul Bahri.



Kelantan. Sejak kecil dia sudah mula mengikut ayah mengubat orang di sekitar Kelantan malah hingga ke Thailand. Khidmat ayahnya diperlukan hampir setiap minggu sama ada untuk mengubat atau membuat persembahan. Di sinilah berkembangnya pengetahuan Kamrul dalam bidang kesenian Kelantan seperti makyung, wayang kulit dan main peteri. Kamrul berazam mahu dikenali sebagai pakar alat muzik tradisional. Syarat untuk sampai ke tahap ini bukan sekadar boleh bermain alat muzik namun seseorang itu mesti tahu bertukang untuk membuat alat muzik. "Seseorang pakar kesenian muzik tradisional perlu tahu segala-galanya mengenai muzik itu sendiri. Ibaratnya kalau dicampak ke pulau, boleh wujud makyung di pulau itu. Pakar perlu boleh buat, bermain dan mengajar orang mengenai ilmu kepakarannya."

#### Harumkan nama negara

Peluang menjelajah ke luar negara untuk membuat persembahan teater tradisional membolehkan Kamrul melihat sendiri penerimaan masyarakat di sana terhadap seni persembahan tempatan. Bagi Kamrul orang luar lebih menghargainya berbanding masyarakat tempatan. "Pada 1997 saya menyertai Festival Tarian Antarabangsa di Hong Kong bersama 15 rakan lain di bawah Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang kini dipanggil Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara). Saya pernah mengiringi persembahan kumpulan Raihan di Paris dan Datuk Siti Nurhaliza di Royal Albert Hall London," kata Kamrul yang pernah ke Filipina, Singapura dan Sepanyol untuk membuat persembahan. Kamrul juga pernah ditaja sepenuhnya oleh kerajaan Amerika Syarikat pada 2006 untuk menyertai Festival Kebudayaan Asia Pacific (Apac) selama sebulan setengah. Kesungguhan Kamrul dalam bidang kesenian tradisional ini ditampikan dengan penubuhan syarikat sendiri iaitu Mokaba Entertainment yang menawarkan persembahan pentas. Jika ada penganjur yang mahukan persembahan pentas berbentuk tradisional untuk majlis mereka, Mokaba Entertainment menjanjikan persembahan berkualiti dan menghiburkan.



Kamrulbahri sebagai pengarah muzik pada majlis perasmian Aswara.

"Saya menyediakan pakej untuk pilihan pelanggan. Persembahan kami adalah mengikut pakej yang dipilih dengan harga berbeza. Tujuan saya menyediakan persembahan dalam bentuk pakej ialah tidak mahu orang meletakkan harga sesuka hati demi menjaga standard seni persembahan tradisional." Kamrul bukan terlalu mementingkan wang kerana minatnya dalam seni persembahan bukanlah kerana wang semata-mata. Kamrul mahukan masyarakat bijak menilai erti sesebuah seni persembahan demi memartabatkan seni itu sendiri. "Jika bukan kita yang memartabatkan seni persembahan tradisional, siapa lagi? Dengan adanya Mokaba Entertainment saya berharap seni persembahan dapat dinilai dengan lebih baik. Kami menawarkan persembahan profesional dengan tenaga terlatih." Kamrul mengambil contoh di Indonesia yang mana Tok Dalangnya berharga sangat tinggi kerana masyarakat mereka bijak menilai seni persembahan. Bukan semua orang mampu menjadi Tok Dalang yang baik. Maka mereka yang bergelar Tok Dalang profesional dibayar harga tinggi apabila membuat persembahan wayang kulit. Situasi beginilah yang ingin dibentuk oleh Kamrul.

#### Peranan generasi muda

Impian memartabatkan seni persembahan tradisional tidak akan

terlaksana tanpa sokongan generasi muda. Siapa yang akan meneruskan perjuangan seni tradisional ini jika bukan generasi baru?

"Saya berharap dengan aktiviti yang saya lakukan ini mampu menarik lebih ramai remaja yang mementi bidang seni persembahan. Apatah lagi dengan sokongan kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia yang menubuhkan Aswara. Malah di universiti juga menyediakan pendidikan seperti ini." Kamrul kini sedang dalam proses menyiapkan buku bertajuk Pergendangan Melayu yang membincangkan mengenai alat muzik perkusi Melayu. Buku ini membantu orang ramai mendapatkan maklumat tepat.

"Kurang pemahaman dan maklumat kurang tepat menyebabkan segelintir masyarakat menganggap seni persembahan tradisional menyalahi akidah apatah lagi apabila perkataan 'ritual' digembar-gemburkan. Unsur pemujaan semangat memberikan pandangan serong dalam masyarakat kita." Pengalaman bermain muzik di dalam dan luar negara serta mengajar di universiti tempatan akan digunakan oleh Kamrul untuk memartabatkan seni muzik tradisional. Bagi Kamrul seni tradisional perlu dijaga kerana membabitkan kebudayaan bangsa Melayu. 



**MEMIKAT...** persembahan Malam Puisi Warisan oleh pelajar ASK menghiburkan penonton.

## Malam Puisi Warisan tampilkan kelainan

MALAM Puisi Warisan yang sebahagian besar dijayakan pelajar Akademi Seni Kebangsaan (ASK) menarik dan ada kelainan kerana ia mengadakan persembahan puisi tradisional dan kemudian diberi sentuhan oleh tok selampit dengan rebusnya.

Puisi tradisional yang dipersebahkan tidak saja pantun, syair, gurindam dan seloka tetapi lagu tradisi Brunei yang begitu asing kepada sebahagian besar penonton.

Tetapi Mohd Kamrul Bahri Hussain sebagai tok selampit dan pengacara mencuit hati selain anak muda yang dididik oleh Hamzah Awang Amat itu begitu mahir bermain alat muzik tradisional.

Persembahan dimulakan dengan gerak silat dan menara pendekar oleh Mohd Ya Latip Daud dan Rozitani Mohamed diringi empat pendekar pelajar tahun satu ASK dan diikuti syair *Malam Warisan Puisi* oleh Amalia Fauza Bohari. Lagu Tradisi Brunei disampaikan

Mohd Razif Nizam Abdollah, Jepita Kapis dan Saliza Ali. Mereka diringi pemuzik Isyamb Swardy Daud (pemain gitar kumpulan Success), Shamsul Zin, Azman @ Mohd Nor Muhammad, Shuharezuan Ramlil dan diketuai Mohd Kamrul Bahri.

Pantun *Nasib Badan* yang begitu syahdu disampaikan Masniawati Aladin dan Roziah Adama manakala nyanyian irama Melayu asli daripada sajak *Berkolek Bersajak* karya JM Aziz disampaikan Md Eyzendy Abdul Aziz dan Saliza Ali.

Malam Puisi Warisan dianjurkan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta ASK. Ternyata mini auditorium bukan gelanggang untuk persembahan itu kerana sambutan yang diberikan penonton begitu hebat walaupun di sebelahnya diadakan pementasan teater *Kurir*. Selepas itu, Fauzi Abdollah tampil dengan seloka yang begitu

mencuit hati dan diikuti gandingan anak dan ibu iaitu Siti Raikani Mohd Saaid dan Zurinul Hassan dengan gurindam yang banyak menyelitkan ingatan kepada pemimpi.

Penyair undangan, Rahimudin Zahari tampil dengan ucapan *Dalam*, Nor Hidayah Asari dengan suara manja menyampaikan lagu *Mendo-dol Anak* dalam bahasa Banjar dan dikejutkan dengan persembahan penglipur lara *Kisah Raja Bersejarah* oleh Zal Huzainy Marzuki manakala seloka disampaikan Ranofia Dianti Irvan. Marzuki Ali tampil dengan Nazam atau orang Terengganu menyebutnya 'nabam' berjudul *Si Anak Ayam Turun* 10 manakala Aripin Saaid dengan lagu puisi tradisionalnya.

Walaupun ia ditutup dengan persembahan lagu *Dikir Puteri* ternyata beberapa kakitangan DBP seperti Zaini Oje dan Hanafi Ibrahim tersenyum puas dengan persembahan malam itu. Berbaloi dengan sumbangan yang diberikan.

## Underground gamelan movement

by ahmad azral

**T**HE very mention of the word *gamelan* invokes visions of exotic Balinese dancers on a beautiful beach.

You would not envision a bass guitar as part of the proceedings. But this is what you will get during the concert entitled *KidStack: Gamelan Played Underground*, as played by the Gamelan Club of The Actors Studio.

"It's all part of our efforts to make *gamelan* music more accessible to the public," says Zailan Fiazak, the bassist in question. "*Gamelan* in the traditional form is wonderful by itself, but we feel that modern audiences want something more."

Currently a lecturer at UTM, Zailan is certainly someone who can be counted to give local music a much needed boost. The accomplished professional has actually played some of the biggest names in western



**SUNNY SOUNDS:** Get ready to be transported to a new world of sounds using old instruments; (right) Zailan Fiazak and his huge bass

music, including Sister Sledge, Spyro Gyra and Grover Washington Jr.

One look at his huge six-string electric bass is enough to frighten you, particularly as he himself is not exactly a small man. He is, however, a very friendly bloke, and when you see him slap that bass, you know he means business.

"The piece that I composed for the concert, called *Putra Variations 2*, was originally a jazz band arrangement. When I got involved with the Gamelan Club, I thought it would be cool to try

and arrange it for bass guitar and *gamelan* group."

Zailan can certainly groove, and the Club members respond to his playful jamming with gusto. Besides being the frontman, he also provides a discreet but solid accompaniment to the other songs played.

Zailan is one of several guest artists, besides Kamrubahri Hussin on percussion and Isyamb Swardy Daud on guitar. The show, which will also feature new compositions by Jillian Ooi, Susan Sarah John and

Maya Abdullah for a total of around 10 works, looks set to be a rocking event.

All the works are based on a pentatonic scale, which means that the scale consists only of the notes *do-re-mi-so-la*, and is more in keeping with Malay *gamelan*. The difference, which is slight, is that Indonesian *gamelan* does not have a precise tuning, whereas Malay *gamelan* is tuned to the keys of C Major and B Flat Major.

Although you may think that clicking to five notes out of an eight note scale would result in repetitious music, the results that have been achieved are quite fascinating. The key to the success of these pieces lies in the ability of the composers to get around the limits, rather than being confined to conventional rhythms.

"The title of the concert says it all," says Shaharum Mohamad Shaib, the Musical Director of the Gamelan Club. "We want to reach out to everyone, who should be able to kick back and enjoy the music."

You can see that the group is very comfortable with each other. The way that they manage to blend the

seemingly disparate elements of traditional Malay sounds with modern Western styles is a revelation, and the sound is hypnotic.

The group is also like one big family, judging by the way they tease each other, and laughter is certainly not lacking during their trial runs. It is this humour and zeal that come across in the performance, and should prove to be a rewarding experience for the audience.

**KidStack: Gamelan Played Underground** will be staged at The Actors Studio Theatre, Plaza Putra in Damansara Merdeka from Sept 11-15, and at The Actors Studio Green-hall, Penang from Sept 21-22.

Tickets are RM32 (adults) and RM17 (students), available at: The Actors Studio Theatre, Plaza Putra [Tel: (03) 2094 5400 / 2602 5927]; The Actors Studio Bangsar, [Tel: (03) 2094 5400 / 2094 1400]; The Actors Studio Green-hall, Penang, [Tel: (04) 263 5400]; Email: [ticket@theactorsstudio.com.my](mailto:ticket@theactorsstudio.com.my). For more information, e-mail the Gamelan Club at [gamelan-club@artsee.net](mailto:gamelan-club@artsee.net).



**isu — Kami Anak Malaysia**

Tulisan: Siti Zarinah Sahib  
Gambar: Wan Izhar Abu Bakar

## Muzik etnik Malaysia bertaraf dunia

**Masih ramai anak muda yang tahu apa itu mak yong, wayang kulit, main peteri dan seni tradisional Melayu? Ramai yang lebih akrab dengan jazz, rock, R&B dan soul sebab sejak kecil lebih terdedah kepada muzik popular.**

Bagi anak muda kelahiran Kelantan, Mohd Kamarulbahri Hussin, 25, gesekan rebab dan lenggok mak yong menjadi teman waktu lapang sejak mula mengenal dunia. Darah seni yang mengalir dalam tubuh ayahnya, Hussin Yusuff, tukang main peteri terkenal di Kelantan, kini diwarisinya.

Ketika ditemui di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dia mengakui masih banyak yang belum dipelajari kerana seni tradisional Melayu seperti wayang kulit, mak yong, rebana, gamelan, main peteri banyak menyimpan khazanah sejarah yang belum diteroka.

"Kesemua kesenian ini bermain dengan semangat seperti buka panggung, memanggil semangat ketika berubat, penuh dengan ritual dan mistik yang menjadi tanda tanya. Minda saya sering bertanya kenapa ketika menonton permainan tradisional ini. Saya teruja untuk mengupas dan meneliti segala yang bermain di fikiran sejak kecil lagi," katanya yang dilahirkan di kampung Banggol Gelang Emas, Pasir Mas Kelantan, 22 April 1978.

Kamarul memulakan pendidikan awal di Sekolah Menengah Meranti sebelum melanjutkan pelajaran di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dalam bidang muzik.

### Membesar bersama dewa dewi

Pengalaman kanak-kanak Kamarul sangat menarik. Dikelilingi cerita dewa dewi, puteri jelita dan putera raja tampan menerusi cerita mak yong dan wayang kulit yang disampaikan oleh keluarganya.

Dunia Kamarul juga diperindah dengan kepahlawanan dan ketangkasan ayah, bapa saudara, adik lelaki serta kakak yang mahir berpencak silat. Tidak hairan ia meninggalkan kesan hebat dalam jiwa remajanya.

"Pergerakan saya diilingkungi aktiviti seni tradisional. Hiburan saya muzik tradisional Melayu," katanya. Seawal usia 10 tahun, dia berguru dengan Tokoh Seni, Allahyarham Pak Hamzah Awang Amat. Kini Kamarul menguasai alat muzik rebab, gambus, rebana Melayu, kompang, *congga*, *bongo timpani*, *djembe*, serunai, tabla dan seruling buluh. Beliau juga tangkas bermain gamelan, tok lempeng dan gong selain memiliki vokal tenor dan mahir sebagai tok dalang muda.

Dia juga membuat pembaharuan dengan mempertemukan muzik Barat dan Timur menerusi teknik pukulan gendang pada *ensemble* seperti *congga* atau *djimbale* serta meminati muzik *percussion* India, China dan Indonesia untuk diserapkan dalam karyanya.

### Jayakan konsert artis popular

Pada usia baru mencecah 25 tahun anak muda ini mencipta kejayaan dalam kesenian tradisi. Dia turut menjadi tonggak muzik bagi konsert artis popular seperti Siti Nurhaliza, Tan Sri S.M Salim, Zainal Abidin, Ziana Zain, Ning Buzura, Norantza Idris, Sadao Watanabe (Jepun), Michael dan Victor (Taiwan), Djaduk Ferianto (Indonesia).

Dia juga berpeluang menjelajah ke banyak negara untuk memperkenalkan seni tradisional termasuk di Hong Kong, Singapura, Indonesia, Jepun, Filipina dan bertemu ramai pemuzik dunia untuk mempelajari seni mereka.

"Di kebanyakan negara yang pernah saya lawati, mereka kagum dengan muzik tradisional Melayu dan ada yang ingin belajar dengan mendalam," katanya.

Pengalaman yang meninggalkan kenangan manis bagi Kamarul ialah apabila terpilih mewakili negara bersama Kirubakaran dari India dan Djaduk Ferianto dari Indonesia untuk persembahan Tiga Elemen Perkusi Dunia.

"Peluang memperkenalkan muzik tradisional Melayu kepada dunia pengalaman paling berharga. Saya bangga dengan muzik Melayu," katanya yang mempunyai pandangan positif terhadap masa depan kesenian tradisional di Malaysia.

Selain bertugas sebagai tutor di ASK, Kamarul juga pensyarah kursus muzik di Universiti Teknologi Mara (UiTM), kursus wayang kulit di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pergendangan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan jurulatih di Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan.

Kamarul tidak jemu memperkenalkan, mengedarkan dan memberi kefahaman mengenai seni tradisi kepada masyarakat agar diiktiraf sewajarnya.

"Apabila kita sehati dengan akar tradisional sendiri, tidak susah mempelajari muzik barat, tetapi sekiranya bermula dengan muzik barat dan baru mencari jati diri Melayu maka pertembungan nilai akan berlaku dan sukar dipisahkan," kata Kamarul. ■



# Muzik Tradisional Dunia Seninya

OLEH: NORAIDA CHE MUSTAFA

**K**ETIKA BANYAK REMAJA YANG INGIN mendalami bidang muzik berlumba-lumba memasuki sekolah-sekolah muzik yang terkenal di London dan New York dan memilih muzik Barat sebagai pilihan utama, anak muda ini leka memerhatikan gesekan rebab dan lenggok lembut tarian makyung.

Cintanya tumpah pada kesenian tradisional apabila menyaksikan amalan perubatan ayahnya, Husin Yusoff, bomoh tradisional main peteri dan melihat keindahan tarian kakaknya. Beliau juga mendengar cerita-cerita rakyat daripada mulut ibunya, Siti Minah Awang.

Beliau jatuh cinta dan cinta tersebut membawanya menghayati dan mendalami keindahan budaya Melayu. "Banyak yang masih belum diteroka mengenai kesenian lama dan cerita rakyat, saya mempunyai sifat terlalu ingin tahu. Kenapa dan mengapa sentiasa menjadi persoalan ketika menonton makyung, wayang kulit, menora, dan main peteri."

"Kesemua kesenian tadi bermain dengan semangat seperti buka panggung, memanggil semangat ketika berubat, penuh dengan ritual dan mistik yang menjadi tanda tanya. Saya teruja untuk mendekati dan mengupas segala rahsia yang bermain di fikiran saya semenjak kecil," kata Mohd. Kamarulbahri Hussin.

Kamarul dilahirkan di Kampung Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan pada 22 April 1978. Memulakan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Meranti, Pasir Mas Kelantan dan melanjutkan pelajarannya dalam bidang muzik di Akademi Seni Kebangsaan. Pengalaman masa kecil beliau berada dalam lingkungan cerita dewa, dewi, puteri-puteri kayangan, dan anak

raja yang gagah dan tampan menerusi cerita makyung dan persembahan wayang kulit.

Tidak cukup dengan segala keindahan tersebut, beliau juga berada di alam kepahlawanan dengan ketangkasan bapa, bapa saudara, adik lelaki, malah kakaknya juga merupakan pesilat yang hebat. Dunia budaya Kamarul seperti cerita fantasi yang amat indah. Alam Melayu yang dilalui oleh Kamarul meninggalkan kesan hebat dalam hidup remajanya.

Tidak hairan jika penyanyi tersohor, seperti Siti Nurhaliza masih mengingati seorang anak muda, yang tiba-tiba naik ke pentas dan mengiringinya menyanyi dengan bermain rebana. Ratusan tetamu yang berada di dalam dewan terpukau dengan kelincahan pukulannya mengikut nyanyian Siti. Beliau menerima tepukan daripada seisi dewan, malah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi yang turut berada dalam majlis tersebut mengucapkan syabas.

"Semua itu adalah secara kebetulan. Saya turut berada dalam majlis tersebut mengiringi persembahan dikir barat, teman saya pelakon Norzizi Zukifli mencabar saya ke pentas ketika Siti Nurhaliza sedang menyanyi, saya terus mencapai rebana dikir dan naik ke atas pentas. Saya tak sangka beliau masih mengingati nama saya dan bertanya khabar ketika berjumpa Norzizi."

Dalam usia yang baru mencecah 24 tahun, siapa sangka anak muda ini banyak mencapai kejayaan dalam bidang kesenian tradisi. Merupakan anak didik kepada dalang terkenal, arwah Pak Hamzah Awang Amat, sedikit banyak amanah dan ajaran arwah Pak Hamzah banyak mengikut kejayaan beliau.

Bakat dan kemahiran Kamarul membawanya menjelajah ke

banyak negara seperti Jepun, Hong Kong, Singapura, Indonesia serta Filipina, dan peluang bertemu dengan banyak pemuzik dunia, baik yang membawa muzik Barat atau tradisional negara masing-masing. Perjalanan tersebut menemukan Kamarul dengan banyak bentuk muzik tradisional yang baru terutamanya dari India. Pengalaman mewakili negara secara kolaboratif dengan *Kirubakaran* dari India dan *Djaduk Ferianto* dari Indonesia merupakan pengalaman dan kenangan yang paling hebat.

Selama seminggu surat khabar utama Indonesia (melebihi 10 surat khabar utama) menyiarkan kejayaan gabungan kolaboratif tersebut dengan tajuk "Many Skin One Rhythm", "Gabungan Tiga Benua", "Tiga Elemen Perkusi Dunia",


dan berbagai-bagai tajuk lagi.

Beliau belajar menjadi dalang daripada arwah Pak Hamzah Awang Amat dan mulai pandai bermain gendang, gong, rebab dan serunai ketika berusia 10 tahun. Dalang muda ini bukan sahaja hebat dalam kesenian tradisional tetapi juga muzik Barat. Beliau melanjutkan pelajaran di Akademi Seni Kebangsaan untuk memperluaskan lagi ilmu dalam bidang muzik. "Apabila kita telah sehati dengan tradisi akar dan budaya kita sendiri, maka tidak susah untuk menuju kepada muzik Barat. Tetapi pada mereka yang bermula dengan Barat dan kemudian baru mencari jati diri Melayu dalam karya mereka, pertembungan nilai akan berteku."

"Kamarul mendalami kesenian

tradisional terlebih dahulu dan kemudian beralih kepada Barat kerana tradisional ialah asas dan akar untuk segalanya. Selepas itu, beliau menemukan satu titik dalam pendekatan muziknya apabila Barat dan Timur digabungkan. Beliau menerapkan teknik pukulan gendang pada *ensemble* seperti conga atau djimble. Beliau yang meminati bentuk *percussion* India, China dan Indonesia ini turut menerapkan bentuk mereka dalam karyanya.

Kamarul juga mempunyai kemahiran dalam memainkan alat muzik seperti rebab, gambus, rebana Melayu, kompang, conga, bongo timpani, djembe, serunai, tabla dan seruling buluh. Beliau dapat bermain gamelan, tak lempong dan gong selain mempunyai kemahiran vokal tenor dan berperanan sebagai dalang muda




Kamarul memegang peranan sebagai dalang dalam salah satu persembahan wayang kulit.



g...  
TUNAS CIPTA    MEI 2003    26

Cabaran  
bukan sahaja  
datang daripada  
mereka yang berusia,  
malah rakan sebaya  
beliau juga tidak  
dapat...



bersembahan wayang kulit.

Kerjaya Kamarul banyak dipengaruhi oleh kesemua kemahirannya. Beliau menyarah kursus muzik Malaysia di Universiti Teknologi MARA, tutor di Akademi Seni Kebangsaan untuk kelas wayang kulit, turut mengajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (wayang kulit), Universiti Putra Malaysia (pergendangan Melayu) dan jurulatih di Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan.

Selain bergiat aktif dalam bidang akademik, beliau bermain muzik sambil untuk kepuasan diri dan merupakan pelolong pengurus syarikat persembahan dan kesenian Tunggal Sayangku. Antara persembahan yang melibatkan beliau ialah *Langkawi International Festival of Arts*, *Rainforest World Music Festival*, *Asiana Percussions Unit*, *Singapore Arts Festival*, dan banyak lagi.

Dalam semua cerita gembira dan kejayaan ini, Kamarul juga tidak dapat lari daripada masalah pada awal kemunculannya dalam dunia muzik tradisional dan wayang kulit. "Masalah utama ialah faktor umur. Ketika itu saya terlalu muda untuk berada dalam kelompok tradisional

Kebolehan saya pernah diragui oleh golongan veteran.

yang kebanyakannya golongan veteran. Kebolehan saya diragui dan dianggap tidak sesuai bagi seorang anak muda seperti saya bergiat dalam bidang ini."

Cabaran bukan sahaja datang daripada mereka yang berusia, malah rakan sebaya beliau juga tidak dapat menerima cintanya terhadap muzik tradisi dan mengapa beliau tidak memilih muzik moden. Walau apa pun, bagi Kamarul kesenian itu harus disesuaikan dengan peredaran zaman, tetapi haruslah ada batasan, jangan sampai hilang wamanya.

Beliau turut menjadi pengarah muzik beberapa persembahan teater moden dan tradisional seperti *Makyung Raja Pencil*, *Penyerahan Puteri* (Normah Nordin), *Gelanggang Tok Wali* (Shukor Yon), *Bagaton* (Japrin Kapis), dan *Makyung, Anak Raja Bongsu Sakti*.


"Pengarah muzik tidak jauh bezanya

dengan pengarah pementasan, mengubah muzik juga harus ada cerita dan kronologi peristiwa yang tersendiri. Seperti wayang kulit, muziknya yang bercerita terlebih dahulu sebelum dalam menghuraikan setiap watak dalam cerita wayang kulit tersebut," jelas Kamarul.

Karya Kamarul terikat pada susunan tradisi yang ditentukan ketika mencipta lagu untuk persembahan tradisional. Sesetengah cerita mempunyai lagunya yang tersendiri, dan beliau hanya perlu menyusun dan membuat perubahan serba sedikit. Selalunya beliau menggabungkan bahan lama dan baru, di samping mengambil bahan daripada sumber tokoh, pengalaman, dan alam persekitaran.

"Berbeza dengan persembahan moden," kata Kamarul kita bebas bereksperimen dengan segala bentuk muzik dan





Bakat dan kemahiran Kamarul membawanya menjelajah ke negara luar memperkenalkan muzik tradisional Melayu.

alat muzik yang ada. Namun yang paling penting karya harus menjadi cerminan kepada masyarakat dalam konteks jati diri. Harus ada unsur sosial, budaya dan agama. Tidak akan ada nilainya jika gabungan kesemua unsur tersebut menjadi latar karya pengarah muzik.

Beliau juga mengakui, ruang kesenian tradisional terlalu besar untuk diterokai, tetapi hasil karya harus difahami. Kebolehan individu pengkarya itu harus diakui terlebih dahulu untuk menerokai peluang tersebut, sama ada daripada badan kerajaan, swasta dan orang perseorangan. Ini kerana kata Kamarul, "Karya yang baik akan membawa bersama-samanya penaja yang besar."

Beliau pada mulanya mencari peluang untuk bersaing dan menempatkan dirinya sebaris dengan nama-nama besar yang

lain terutama gurunya sendiri arwah Pak Hamzah. Kamarul berpegang pada prinsip yakin terhadap diri sendiri dalam apa-apa jua yang dilakukan. Beliau mengkaji sesuatu dengan kebaikan dan keburukan. Beliau percaya pada kekuasaan Allah s.w.t. dan tidak sombong serta lupa diri.


"Kita harus ingat akar umbi kita dan mengapa memilih bidang yang kita ceburi. Dalam apa-apa kemahiran kita memerlukan latihan, tanpa latihan kita tidak berupaya pergi jauh dengan asas yang ala kadar sahaja. Persembahan harus dilakukan dengan ikhlas dan jujur."

Menurut Kamarul, bidang wayang kulit merupakan satu bidang yang unik dan halus. Ceritanya mempunyai maksud yang berlapis-lapis baik dari segi perbuatan mahupun

penggunaan bahasanya. Maksud yang tersirat itulah yang harus dikaji dan difahami." Kamarul juga yang membantu beberapa pelajar sarjana dan pengkaji dari dalam dan luar negara memahami wayang kulit untuk menyiapkan kajian ilmiah masing-masing.

"Saya berasa adalah satu tanggungjawab bagi memperkenalkan, mengekalkan, dan memberikan kefahaman tentang kesenian tradisi ini kepada masyarakat agar boleh diberikan taraf yang sewajarnya dan diterima dalam dunia kesenian sebagai salah satu daripada keunikan budaya Melayu yang tidak lapuk ditelan zaman."

Beliau mempunyai pandangan dan harapan yang positif terhadap masa depan kesenian tradisional di Malaysia. Mungkin lebih banyak anak muda seperti beliau yang mencintai kesenian tradisi dan menghayatinya dalam kehidupan mereka. **TC**





ABDUL KADIR Sheikh Fadzir mencuba salah satu alat muzik tradisional sambil diperhatikan oleh Azizi Meor Ngah pada majlis prapelancongan Festival Hiburan Asia 2000 di Kuala Lumpur, semalam.

## Keranamu Malaysia tema Hari Kebangsaan

**KUALA LUMPUR 16 Mei** — Kerajaan memilih tema *Keranamu Malaysia* untuk Hari Kebangsaan ke-49 pada tahun ini yang akan disambut selama sebulan di seluruh negara mulai 17 Ogos ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, tema itu dipilih sebagai menyedarkan rakyat negara ini supaya bersyukur di atas pencapaian negara.

"Semua lapisan masya-

rakat perlu merayakannya untuk negara," jelasnya kepada pemberita selepas merasmikan majlis prapelancongan Festival Hiburan Asia 2000 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Abdul Kadir memberitahu, sambutan kali ini dinamakan *Bulan Merdeka* dan ia akan diisi dengan lima program khas iaitu kempen Jalur Gemilang, majlis doa kesyukuran, 'Ambang Merdeka', Hari Kemerdekaan dan perayaan penutupan pada hari terakhir bulan merdeka.

Tarikh 16 September dipilih sebagai hari penutup Bulan Merdeka kerana ia merupakan tarikh ke dua terpenting di negara ini selepas 31 Ogos.

"Pada 16 September, negeri Sabah dan Sarawak mendapat kemerdekaan menerusi Malaysia dan merupakan tarikh rasmi nama Malaysia digunakan," jelas beliau.

Katanya, sambutan hari penutup Bulan Merdeka tersebut akan diadakan di Sabah dan akan dianjurkan secara bergilir-gilir setiap negeri selepas itu.

"Kerajaan Persekutuan pula akan menyambut Hari Kemerdekaan pada tahun ini di Shah Alam," katanya lagi.

Sementara itu Festival Hiburan Asia 2000 akan diadakan pada 27 hingga

29 Oktober ini dan ia adalah anjuran anak syarikat Kumpulan Utusan, Forum Exposition Sdn. Bhd.

Festival yang julung-julung kali diadakan di negara ini dapat menjalinkan hubungan berguna di kalangan penggiat-penggiat industri hiburan tempatan.

Turut hadir pada majlis prapelancongan hari ini ialah Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan, Azizi Meor Ngah.

Sementara itu, Azizi menjelaskan, festival itu diilhamkan dengan matlamat meletakkan Malaysia di dalam persada dunia hiburan dan menjadi destinasi terpilih bagi penggiat-penggiat seni dan hiburan dari seluruh dunia.

"Pelancongan hiburan adalah salah satu tarikan pelancong ke negara kita. Selain destinasi pelancongan yang menarik, persembahan kebudayaan juga merupakan satu elemen yang perlu diketengahkan kepada pengunjung luar," jelasnya.

Selain daripada pameran, menurut beliau, festival itu menganjurkan seminar yang merangkumi topik-topik hak cipta dan cetak rompak, piawai dan sekatan-sekatan perundangan serta industri muzik dan perfileman semasa.

### Dalam Negeri

UTUSAN MALAYSIA RABU 17 MEI, 2000





**Featuring:**

- MATATO'A from Rapa Nui (Chile)
- BLACK UMFOLOSI from Zimbabwe
- ORIENTAL MOOD
- INKA MARKA from the Andes
- KHAC CHI ENSEMBLE from Vietnam
- TROITSA from Belarus
- AVIJIT GHOSH from India
- GARIFUNA ALL STARS from Belize
- SPACCANAPOLI from Italy
- JERRY KAMIT from Sarawak(Borneo)
- ASEANA PERCUSSION UNIT from KL
- CHINESE ORCHESTRA from Borneo

**12 - 14 JULY 2002**



**RAINFOREST**  
**WORLD MUSIC**  
**FESTIVAL**

AT Sarawak Cultural Village



Ivan Kirchuk  
Heritage of the last villages

*"Ethnic Musician from all corners of the World converging on Borneo for 3 days of music, cultural exchanges and friendly fun"*

**SARAWAK**

Malaysian Borneo

SARAWAK TOURISM BOARD

P.O. Box 2950, 93758 Kuching, Sarawak, Malaysia

Tel: +60 82 423600 Fax: +60 82 416700


E-mail: stb@sarawaktourism.com

Sarawak Tourism Board



Sarawak Cultural Village

[www.rainforestmusic-borneo.com](http://www.rainforestmusic-borneo.com)





a composer, the language of *gamelan* has become part of the vocabulary that I use to compose non-*gamelan* music such as choir music, choral and band music."

Innovation is the by-product of her journey in exploring the *gamelan* and aspects of Malaysia's sound landscape. Fernando majored in music at the University of York, England, and researched *Mak Yong* in Malaysia and

the opening scenes of a *Wayang Kulit* performance, incorporating the sound of the cello, harp, clarinet and voice."

In today's contemporary music environment, musicians often share musical ideas and techniques. For instance, percussionists from the MPO sit side by side with specialists in *gamelan* from Rhythm in Bronze and the Petronas Performing Arts Group.

"Trading ideas and suggestions is in-

conductor and percussionist, he feels a sense of responsibility towards developing new music in partnership with the existing standard repertoire.

"We have developed Asia's leading new music series almost by default because our audience is open and ready to listen to just about anything. When we tell people in Europe that we have sold-out concerts to pieces that were written a decade ago, they don't believe



Singer Juanita Ismail accompanied by the *gamelan* ensemble of the Petronas Performing Arts Group and the MPO performing *Wayang* conducted by Kevin Field.

Thailand as part of her master's degree in the Southeast Asian Studies department of Universiti Malaya.

MPO associate conductor Kevin Field is enthusiastic about *Wayang*. "Fernando's piece is a stunning, beautiful addition to the repertoire. She recognises the texture of the *gamelan* while integrating selected Western orchestral instruments. It reintroduces the most familiar sound of the *gamelan* in

valuable and crucial to the work that we do here. In addition, it helps the orchestra integrate with a community," said Field. "The MPO is unique because it plays the standard classical repertoire but also performs baroque and contemporary music."

He contends that new music is essential for the future of orchestral life. Part of Field's work is to commission rising talent to write new pieces. As a

us. We have quite a following of people who like new music and 20th century music, which is planned in the next season from September 2002 to May 2003."

So far, MPO has produced six or seven specialist contemporary concerts per season, more than many international orchestras. Its new season will feature local composers such as Kee Yong Chong, Tazul Tajuddin and Singaporean composer Joyce Koh.





SUNDAY 27 July 2005

StarMag



## Keeping the beat alive

BY FAHMI FADZIL

WHEN this column first started in March, I had intended to cover all bases in the local art scene, but in all honesty, I haven't covered music. Yet. This was something that took quite a bit of time for me to mull over and consider the interesting options that I could explore.

As we're all aware, music is a huge field with many voices vying for public attention. Since the focus of these articles is on the arts, and seeing that art doesn't always make money, I felt that maybe it'll be a good move to talk to people whose works don't get high-lighted enough.

One such person is Kamrul, or Mohd Kamrulbahri Hussin, a marvellous percussionist and traditional music exponent. Some girls I know think he's really cute, but I digress.

Actually Kamrul is far too busy for girls (um, he's married actually), yet this busy-ness doesn't always translate into financial and professional recognition, as I learnt from our freestyle coffee conversation on a lazy Friday. We met at Istana Budaya, the afternoon before Ramli Sarip's *Melayu Jawa* concert (which I really wanted to go for but couldn't). Kamrul was to play percussions for the *suara gurun* (gravelly-voiced) man himself.

Kamrul jokes about his name sounding like "come & roll" since he's so wanted as a percussion sessionist. His "happening" status has been around for a long, long time - he was playing gigs the same time he was doing a diploma course on Pergandingan Tradisional dan Kontemporari (Traditional and Contemporary Drumming) at Al-Akadem Seni Kebangsaan (ASK) some seven

years ago.

But let's go back a bit more. This "anak Kelate" hails from a small village in Pasir Mas, Kelantan, and was the third child of eight. Kamrul's father still garners much respect from the community as a Tok Peteri (head healer), malyong performer, musical instruments-maker, and dalam (wayang kulit puppeteer). It's clear that his father's "angin" (life force) transferred into Kamrul.

I was curious, did village life have anything to do with this?

"From a young age we were exposed to the arts, anything that came to the kampung. At that time, our sense of entertainment was 'controlled' by the society, since there were so few sources of entertainment. There were only one or two black-and-white TVs in my kampung. So we were very influenced by these art forms.

"Each kampung had a large number of gelanggang (arenas) where forms like silat, wayang kulit, malyong, and other folk art forms were taught. Each gelanggang had its own head, who kept tabs on what you were up to.

"But (because of these gelanggang) people also immediately knew your talents, and word spread. In main peteri (healing dance ritual) performances, where I played the gendang, I was the only player who didn't wear the *lopioh* (stallcap)... I didn't have grey hair lah!"

Kamrul's talents spilled out of the gelanggang and into school, even. He was the head of many groups and organisations, and he was even the head-prefect. (He joked about how his popularity got some older folk eyeing him for their daughters!)

Before long, his skill, dedication and passion - especially with traditional

percussions like the gendang - reached the ears of the late Hamzah Awang Amat, a dalam and National Arts Laureate. Pak Nasir (The Mohd Nasir Yusoff), a musician with Hamzah's wayang kulit troupe and also Kamrul's next-village neighbour, told Pak Hamzah about the prodigy. It did not take long for Kamrul to pack his bags and head down to Kuala Lumpur with the troupe.

But why did Kamrul renege his musical roots in KL?

"At that time, traditional music was not famous and it was hard to survive by just playing music in Kelantan. Musicians were often given tokens of RM5 to RM20 at the most for a night's main peteri session, which normally lasted anywhere from six hours to three nights, depending on how much healing was needed.

"Pak Nasir, who was working at Kompleks Budaya Negara (KBN) at that time was already an experienced practitioner and was exposing TV audiences to traditional music. He kept inviting me to come down to KL and play the gendang for him there. Seeing as how he was making a name for himself in Kelantan through his work in KL, I thought I'd give it a try."

Kamrul eventually joined ASK to study traditional and contemporary drumming, and at the same time, he participated in Pak Hamzah's wayang kulit performances (and trained as a dalam under him) as well as student-organised events. I also learnt that this maverick was asked to teach at four institutions of higher learning by the time he completed his diploma course. But it was not all rosy all the time. Kamrul sheds some light on the kind of challenges he faced in studying the traditional art forms of Kelantan.

"When I was growing up, villagers viewed traditional music with mistrust. At that time, people would say that main peteri and wayang kulit were forms of worshipping demons or gods. In truth, what I understand now is that the words spoken by the Tok Peteri or in wayang kulit arise out of their own 'language' which we must understand

## Food for thought

The three things that break the beat in Kamrul's drumming:

- traditional art practitioners: "They are not united (always bickering)."
- the economic acknowledgment to practice these forms: "If there's no money, how can we continue performing?"
- bureaucracy: "Officers' upstairs' who studied one thing but were asked to manage some other, unrelated field which they have no competency for..."

The three things that'll up the tempo for Kamrul:

- professionalism: "I've started a company, Moka Entertainment, with which I'd like to raise the level of professionalism associated with traditional performances."
- training structure: "The people who play with me are trained in-house, and I make sure they're paid well for their work."
- a better mentality on the part of organisers: "If people want the best, they should be ready to not cut corners money-wise!"



Mohd Kamrulbahri Hussin believes that true appreciation of traditional art forms comes from understanding its intricacies.

clearly and not just on the surface.

"Those who feel they were pious would make accusations. This is forbidden! But they haven't spoken to people who truly understand who can fully explain the intricacies of these forms."

I thought that this made sense: For example, a doctor has many specific terminologies about his art that laypeople may not easily understand.

So whether these misunderstood art forms? "There is still a future for them. People just don't know them in-depth. Not all exponents of wayang kulit, for instance, know fully what they are practicing. But neither will we ever know how wayang kulit was like originally. But what we do know is the symbolic - what is seen and what is written-between-the-lines. These connections still exist. These remain unchanged, the principal trunk of the art. And yet it is this very trunk that people doubt."

There appeared to be no easy answers here.

But I feel that Kamrul will continue to struggle for answers, and when he finds them, we will hear them sung from the skins of his drums.

■ Fahmi Fadzil studied Chemical Engineering in the United States. After returning in 2003, he realised that he really wanted to be a stage performer. Currently a member of Five Arts Centre, Alzhan, and a director of Artis Pro Actis, he would like more people to read T. Alas Talib's poetry. He'd also like to hear from you, so drop him a line at [stammag@the-star.com.my](mailto:stammag@the-star.com.my).



NESTLE GOLD







**V MEI** 2 ■ RABU, 5 JANUARI 2005

**LELAKI**



**BEGINI...** Kamrul (kanan kedua) mengajar pelajarinya cara bermain gendang tradisional seperti gedombak dan geduk. — Gambar YAHAYA HASHIM

# MUZIK NADI KAMRUL

Bakat seninya tersebar ke merata negara

Oleh Riazdz Riazdz  
riazdz@metro.com.my

**U**SIANYA baru menjangkau 26 tahun. Namun, pengalaman Mohd Kamrulbahrul Hussin dalam bidang muzik dan seni persembahan tradisional begitu luas. Dengan kebolehan dan bakat sebagai pemain percussion Melayu dan Barat, Kamrul sempat membuat persembahan di Singapura, Thailand, Jepun, Switzerland, Itali sehinggalah Sepanyol.

Malah, dia pernah bekerjasama dengan pemuzik terkenal antarabangsa seperti Sadao Watanabe, Steve Thornton dan Djaduk Ferianto.


Penyanyi terkenal Malaysia seperti Siti Nurhaliza, M Nisik, Zainal Abidin, Raihan, Ziana

Zain dan Tan Sri SM Salim juga pernah menggunakan khidmatnya.

Selain menawarkan khidmat sebagai pemuzik profesional, Kamrul adalah penyarah sambilan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dalam bidang Pengerangan Melayu, Muzik Wayang Kulit, Mak Yong dan Pengerangan Instrumental (Latin Percussions).

"Ketika saya mula berhasrat menjadi pemain gendang tradisional, ramai teman-teman saya kata bermain muzik tradisional tidak akan membawa saya ke mana-mana. Kini, ternyata tanggapan mereka salah. Ia bu-

**LIHAT MUKA 3**





## LELAKI

**KETUK...teknik permainan gendang tradisional tidak banyak bezanya dengan permainan moden.**



**INUT RENTAK...Kamrul turut mengajar cak lampung.**

### DARI MUKA 2

Ian Raja membawa saya melawat negara orang, tetapi juga memberi putaran lumayan," katanya.

Kamrul mula terdedah kepada seni muzik dan persembahan tradisional sejak berusia 13 tahun. Bapanya yang aktif sebagai pemuzik tradisional untuk persembahan main peteri, wayang kulit dan mak yang menyuburkan lagi minat Kamrul terhadap seni muzik tradisional.

Tekadnya untuk mendalami bidang seni diteruskan selepas menamatkan pendidikan sekolah menengah sebelum menyambung pengajian Diploma Muzik di Akademi Seni Kebangsaan (ASK) dengan penghususan dalam bidang percussion Melayu dan Barat.

Menurut Kamrul, dia memilih untuk bermain alat muzik perendangan kerana tidak rasul yang memalukannya secara profesional. Lagi pun, dia mahu membuka mata masyarakat bahawa cara permainan gendang tradisional Melayu tidak banyak bezanya dengan perendangan moden seperti Conga, Bongo, Timbale dan Djembe.


Sebagai pensyarah, Kamrul mahu mengubah persepsi kebanyakan golongan muda yang beranggapan gendang tradisional Melayu hanya sesuai dimainkan dalam muzik tradisional saja.

"Skopnya luas dan boleh disesuaikan dengan apa saja muzik. Malah, pemain juga boleh tampil solo. Bagaimanapun, kita perlu belajar muzik tradisional dahulu," katanya.

Balasnya dalam seni muzik turut dikembangkan dengan mempelajari persembahan tradisional seperti mak yong, menora, gitar barat, wayang kulit dan main peteri. Malah, Kamrul berguru dengan beberapa tokoh seni terkenal seperti Hamzah Awang Amat, Nasir Yusoff dan Ibrahim Senik.

Selain itu, Kamrul mempunyai kemahiran bermain alat muzik moden dan ini memberi kelebihan kepada dirinya untuk mengajar seni berkenaan kepada pelajarannya.

"Masyarakat kini semakin menerima dan berminat mempelajari seni muzik tradisional. Ia adalah sebahagian signifikan masyarakat kita. Jika tidak dipelajari dan dikembangkan, ia mungkin tenggelam dalam arus muzik moden," katanya.



# قمرالبحري بوقتیکن موزیک تراڊیسیونل بري حاصلیل لوماین

اوليه راج يوسف عارفين



قمرالبحري ملو مقبیسق ربب دهن بائین کبک مبرات فرسپهن دکوالا لهور بارو؛ این.

دماہنکتن ترماسوق کبیر کلاسیک، گنبوس، سرولغ پبو، کامپان، چن لیفوغ، کوخ سرتا وین ملاو، گندغ (درم ملاو)، درم ایندونسیا، کوپغ، کوغکا، بوغگو، سیت درم، میطالی، جیبی، دروکا، پلا دان درم چپا.

’فرکوسی الت موزیک ازانم دان ترس دالم فرسپهن موزیک سرتا متنوکن ایراما سسواه لاکو.

’زامای یغ بوله برماهن فرکوسی، نامون یتدی زامای یغ

میتي تراڊیسی، کالان یغ قره منجادی فشرح موزیک داکاڊمی سنی کیسان دان فشرح موزیک باکی سوچیک موزیک ملیسا داویلورستی ټکنولوگی ملیسا (UTM) سچارا سسپان. کبک کچیل بیلامنډالت سوکوغن ایو دان ایهن یغ میتا دې اډن-برادین پلاجر سنډری دمنسغ افرحم قن حمزه (دظنگل قن سو) یغ باقن میتو سرتا منوروخ کاره این.

پاکالالون، دهن فکوتوسن برکات مشوره ماس دینغ سنی لله منډالت تنن کلوارک کران یسغ یتدی دالت اونوق مارا جیډوف.

دهن پوئی یغ اډ دې یتدی لاکي دهالغ اوله اعلی کلوارکان. قمرالبحري مهبک این باقن مبرات فرسپهن سبکای لمامین

محمد قمرالبحري حسین، 26، اتق کلاهرن کاندن مورفاکن ساورغ اتق مودا یغ ماهر برماهن الت موزیک تراڊیسیونل ملايو. بیلامنډالت کلاهرن ابنت ملاوي فندنه دینغ برکاهن سچق کاتق؛ سچارا یتوال دمنسغ ایهن یغ ترکل دهن سنی ’مامین فوټی‘. ملايو ابنت، دې جوگ مللاجري علوم منجادی دالغ وایغ کولیت درله سنین نگارا، افرحم حمزه امت (قن حمزه)، ناصر یوسف دان ابراهیم سنیق. دسپکن برماهن الت موزیک تراڊیسیونل بوله مبریک حاصلیل لوماین، لنس قمرالبحري منجادیکن سبکای کرجای، باکی منجاین ماس دهن یغ لیه فرولیسونل دان برسپناتیک، دې منوبهکن Mokaba Entertainment باکی موروسکن اکتیوی فونوگرون.

’سای میتی فرکوسی ملايو ملاوي کسډرن هان کبک سنډری یغ واجر ملههارا دان مرټیکن‘، کالان. جلس قمرالبحري فرکوسی ملو ملاهیرکن موزیک دالم جوا. اتق کبک درله لافن برادین این ملو برماهن 100 جیبی الت موزیک دان ملهپای باکت ترسنډری دان منوتوت دجاین موزیک، اکاڊمی سنی کیسان (ASK) 1996 دان ملهپایه دپلوما موزیک.

اونوق فرماهن وایغ کولیت، اتق مودا این ملو برماهن نوره جیبی الت موزیک، سبکای ابنت، الت موزیک لمامین یغ بوله

فرکوسی اتاران له کونسرت سینی نوراجوا (2000)، رتق ایسا (2000)، دان لنچرن هوبل هیان برسام عیم ناصر (2004). دمنسغ ایت قمرالبحري سبکای لهاره موزیک ازیوق نایر تراڊیسیونل ملوغ هوا مودا 2 (2001)، لیوکان هوکی فلا دنا دهن فرسپهن درم ایبک (2002)، PATA سبکای لمامین موزیک (2001)، فونوک اوندن دکونسرت ن سري ایس. عیم. سالم (2001)، سیتول موزیک دنا هون هون (2002)، فیستول جز اتارا پسا سراق سبکای لمامین فرکوسی ملو (2004)، سورا لورکه جوا لاکو ک-19 (2005) دان وایغ کولیت افرنر بانن قرهبن ملیسا (2005).

## سایوین دري، موک 28

فسارت ایت باقن کلجابت. سبیل ایت دې منطوق فرلان-لاهن باهر جوهرن دان میتا جوهرن برتغ مندو فسارت ایت هیگ سبکای باقن کلجاکن.

دري اتس فسارت کلجابت لباکای لراتن منډا منوگو فسارت، این ترماسوق لیم کرینا فاسوفن پویا لافن ترغ دان پویا سوکارا، یک پواه ایوینس دان قارا قارول کسلانن سداغ موشکو، ماسیغ؛ موکین دالم کادان چس.

فسارت منډارت دالم سوسان یغ چوکوف نغ، کلجابت سموا لوکسیتیک یغ سداغ منوگو ایت بر؛ برسدیا اونوق برهادن دمی مبلانکن

فسارت یغ لمبارا VVIP ایت. نیسان منری مندهولوي تروون دري فسارت، ډایکوتی ساورغ دمی ساورغ لیلیدین یغ دلیت قوه دهن کیتین بهارا جوهرن لله ملخابریکن کچیرلن یغ اوشکول.

کرو TVNAS سبوق میوات لیفون، دهن واره وایغ جوهرن منډار کات، یغ مرشکنن درله مستر قارول دان لغاره اکتیویټی سبکات، مستر لورفر دې فایرا دالم فرجانن کهرغ کوخ پورانه بالیق تروس منډوی جوهرن دان مستر قارول، سبیل دې ملوق دان مغرچکن تهپه سبکای-ټلگن کله جوهرن.

